

18 OCT 2000

Aseh-Pendatang

KOS PENGHANTARAN PULANG PENDATANG AKAN DIBINCANG

LANGKAWI, 18 Okt (Bernama) -- Jabatan Imigresen Malaysia dan Indonesia akan membincangkan kos penghantaran pulang pendatang tanpa izin negara itu yang akan ditanggung bersama oleh kedua-dua negara.

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Aseh Che Mat hari ini berkata, perbincangan itu akan diadakan berikutan hasil mesyuarat dua hala antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid di sini semalam mengenai perkara itu.

"Saya tertarik dengan kenyataan Abdurrahman berhubung perkara itu kerana dua tahun lepas perkara itu pernah dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas turut hadir untuk menghantar pulang Abdurrahman di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini, hari ini.

Abdurrahman pulang setelah mengadakan lawatan kerja dua hari bagi mengukuhkan hubungan dua hala.

"Dulu kita biasa buat dengan Indonesia menghantar kapal tentera lautnya untuk membawa balik pendatang tanpa izin negara itu dan kos penghantaran itu ditanggung bersama," jelasnya.

Bagaimanapun, perkara itu tidak dilaksanakan sejak dua tahun lepas dan Jabatan Imigresen Malaysia terpaksa menghantar sendiri pendatang itu pulang dengan kosnya ditanggung oleh Kerajaan Malaysia, katanya.

"Kita akan bekerjasama dengan Kedutaan Indonesia dan rakan sejawatan di republik itu supaya penghantaran balik itu kali ini berjalan lancar," katanya.

Aseh berkata, penghantaran pulang pendatang tanpa izin itu dijalankan dengan dua cara iaitu wang yang ada di tangan pendatang semasa mereka ditangkap digunakan untuk membeli tiket balik atau menggunakan peruntukan kerajaan bagi mereka yang tidak mempunyai wang.

Kos penghantaran seseorang pendatang tanpa izin Indonesia bergantung kepada destinasi masing-masing dan bagi penghantaran pulang dari Melaka ke Dumai, kosnya ialah RM35 seorang.

Tanpa menyebut jumlah kos penghantaran pulang yang dikeluarkan setakat ini, beliau berkata sehingga ini sebanyak 65,000 pendatang tanpa izin negara itu telah dihantar pulang.

Sementara itu, Duta Besar Indonesia ke Malaysia Hadi Wayarabi Al Hadar berkata pemimpin kedua-dua buah negara sudah mencapai kata sepakat berhubung perkara itu dan kini hanya menunggu untuk melaksanakannya.

"Cara pemulangan, pengaturan tenaga kerja Indonesia sudah dibicarakan oleh (Datuk Seri Dr) Mahathir (Mohamad) dan Gusdur (Abdurrahman) yang mana kosnya nanti akan dipikul bersama, cuma tinggal melaksanakannya sahaja", jelasnya.

Perjanjian mengenai perkara itu sudah ada dan kita akan bergerak berdasarkan persepakatan itu, katanya.

Satu mesyuarat telahpun diadakan di Riau baru-baru ini di kalangan pemimpin kanan negara itu yang dihadiri Menteri Dalam Negeri, Menteri Tenaga Kerja Indonesia dan Gabenor Sumatera, Jawa, Nusa Tenggara Timur dan Barat bagi mengekang kemasukan rakyat negara itu ke Malaysia, katanya.

-- BERNAMA

NH PR